


ANNE SAMAT CINTA



MASS MoCA

Gambaran Keseluruhan

“Untuk benar-benar mencintai kita mesti belajar untuk mencampurkan pelbagai ramuan—penjagaan, kasih sayang, pengiktirafan, penghormatan, komitmen dan kepercayaan, serta komunikasi yang jujur dan terbuka.”

— bell hooks


Tenunan Anne Samat teretus daripada pengalaman peribadinya—bersama keluarga dan orang yang tidak dikenali—mengenai kasih sayang dan rasa syukur. Menggunakan teknik tradisional Asia Tenggara yang dipanggil Pua Kumbu, dari tempat asalnya di Kuala Lumpur, Malaysia, Samat menenun barangan isi rumah sederhana dari kedai jualan murah dan kedai jimat untuk mencipta karya seakan-akan kuil yang berskala besar. Semua karya yang dilihat di sini, yang berwarna terang, penuh hiasan dan terperinci, juga berfungsi sebagai avatar untuk ahli keluarga atau rakan tertentu dalam kehidupan Samat. Bagi artis itu, penghormatan ini adalah cara untuk menzahirkan perasaan cintanya terhadap orang yang beliau sayangi.

Seni tradisional Pua Kumbu telah dikembangkan sejak beberapa generasi oleh orang Iban, orang asli Borneo di Asia Tenggara, sebuah kawasan yang dibahagikan secara politik di antara tiga negara: Malaysia dan Brunei di utara, dan Indonesia di selatan. Pua Kumbu ialah kain kapas upacara pelbagai warna yang bercorak, yang ditenun menggunakan gentian kapas yang dicelup dengan warna pada alat tenun tali belakang mudah alih. Perkara utama untuk teknik ini ialah corak yang tidak dirancang terlebih dahulu; sebaliknya, mimpi suci memberitahu penenun tentang motif, warna, dan simbol yang perlu dizahirkan. Samat telah dilatih dalam tradisi ini, dan mesej yang diterimanya ialah ungkapan cinta.

Dengan pameran ini, dan tenaga kerja yang dicurahkan kepada proses tenunan, Samat mengingatkan kita bahawa cinta memerlukan tenaga kerja; beliau meminta kita untuk mempertimbangkan rasa disayangi, cara kita meluahkan perasaan ini terhadap orang lain dan diri kita sendiri.







Siapakah Anne Samat?

Anne Samat (lahir pada 1973, Malaysia) graduan daripada Universiti Teknologi Mara di Malaysia dengan ijazah sarjana muda dalam reka bentuk tekstil, dengan penekanan terhadap tenunan dan subjek minor dalam teknik “cetakan rintang”. Beliau telah mempamerkan karyanya secara meluas di Asia Tenggara, paling terkini dalam *In Our Veins Flow Ink and Fire*, Kochi-Muziris Biennale, Kerala, India; sebuah pameran yang dinamakan *Stories We Tell To Scare Ourselves With* di Muzium Seni Kontemporari, Taiwan (2019), Elevation Laos, Vientiane, Laos dan Yokohama Triennale di Jepun (2017). Pada 2018, beliau mengadakan pameran di Vestfossen Kunstlaboratorium di Norway, dan pada 2019 pertunjukan residensi dan muzium di Hudson Valley MOCA di New York. Karya beliau telah dipaparkan dalam pemasangan utama di Asia Society Triennial 2020 di New York City. Samat kini mempunyai pertunjukan solo di muzium universiti di Universiti Wyoming dan di Virginia Tech.

KIRI: Anne Samat, *No Place for Beginners or Sensitive Heart #1 (butiran)*, 2021. Batang rotan, peralatan dapur dan taman, manik, perhiasan seramik, logam dan plastik. Ihsan daripada artis dan MARC STRAUS, New York

DI BAWAH: Anne Samat di studionya. Foto oleh Maksim Akelin





Di manakah Anne Samat tinggal?

Anne Samat membesar dan masih tinggal di bandar Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia. Bandar ini menempatkan Menara Berkembar Petronas yang terkenal, menara berkembar tertinggi di dunia, setiap satu setinggi 1,483 kaki.

Dari manakah seni Pua Kumbu berasal?

Seni tradisional Pua Kumbu telah dikembangkan sejak beberapa generasi masyarakat Iban, orang asli pulau Borneo di Asia Tenggara. Pulau ini secara politik dibahagikan antara tiga negara: Malaysia dan Brunei di utara, dan Indonesia di selatan.



Apakah itu Pua Kumbu?

Generasi masyarakat Iban telah mengembangkan kraf Pua Kumbu iaitu kain kapas upacara pelbagai warna yang bercorak. Tenunan tradisional ini melibatkan proses mencelup warna gentian kapas yang kemudian ditenun pada alat tenun tali belakang mudah alih. Corak tidak dirancang terlebih dahulu; sebaliknya, dipercayai bahawa penenun mendapat mimpi suci yang memberitahu mereka motif, warna dan simbol untuk dizahirkan. Anne Samat telah dilatih dalam amalan tenunan tradisional Pua Kumbu. Mesej yang diterimanya melalui proses menganyam itu ialah ungkapan cinta.

DI BAWAH: Seorang wanita Iban menenun Pua Kumbu. Foto oleh Getty Images

KANAN: Foto oleh heartpatrick dan Richard Koh Fine Art, Kuala Lumpur





Mengapakah Anne Samat menggabungkan bahan moden ke dalam arca tenunan beliau?

Menurut Samat, “Ia bukan sekadar konsep kitar semula dan guna semula. Saya secara peribadi memberi nafas baharu kepada barangan rumah biasa itu dengan memberi makna, bentuk dan fungsi baharu di luar tujuan asalnya.”



No Place for Beginners or Sensitive Heart #2



Petikan Inspirasi

“Bagaimanakah saya menyukainya? Mari saya kira caranya”

— Elizabeth Barrett Browning



Cabaran Meneliti

Kira bahan berbeza yang terdapat dalam arca ini. Pergi kepada ahli keluarga dewasa atau rakan anda dan beritahu mereka bilangan cara yang sama anda menyayangi mereka.



Mother (weave through eternity) #2



Petikan Inspirasi


“Semua orang ingin disayangi. Dan perkara terbaik yang kita boleh buat adalah untuk beritahu orang yang mereka disayangi dan mampu untuk menyayangi.”

— Mister Rogers



Soalan

Arca ini merupakan cara Anne Samat menunjukkan bahawa ibunya disayangi dan mampu menyayangi. Apakah objek yang mungkin anda gunakan untuk mewakili penghargaan anda terhadap rakan, haiwan peliharaan, orang dewasa atau diri anda sendiri?



No Place for Beginners or Sensitive Heart #1



Petikan Inspirasi

“Semakin anda didorong oleh cinta,
semakin berani dan bebas tindakan anda.”

— Yang Suci, Dalai Lama Ke-14



Luahkan Cinta Anda

Hadapi orang dewasa atau rakan anda dengan tangan mendepa seperti arca ini. Luahkan cinta anda tanpa perkataan dan hanya dengan perbuatan menyayangi.

KidSPACE di MASS MoCA ialah galeri seni berpusat komuniti percuma dan studio pembuatan seni yang mempersembahkan pameran yang tertumpu kepada tema keadilan sosial yang tepat pada masanya. Artis dipilih bagi merit pendidikan dan seni hasil kerja mereka serta keupayaan mereka untuk berhubung dengan kanak-kanak dan orang dewasa. Pameran telah menampilkan artis terkenal dari seluruh dunia, termasuk Wendy Red Star, Wes Bruce, Portia Munson, Willie Birch, Federico Uribe, Tim Rollins dan K.O.S., Roger Shimomura, Ran Hwang, Genevieve Gagnard dan Nick Cave. Walaupun penekanan diberikan kepada perkongsian kami dengan pihak sekolah, kanak-kanak dan keluarga tempatan, KidSPACE adalah untuk semua orang. Moto kami ialah: KidSPACE, bukan sahaja untuk kanak-kanak; orang dewasa juga dialu-alukan!

Anne Samat: Cinta

Pada paparan 24 Jun 2023–Disember 2023

Diurus oleh Laura Dickstein Thompson, EdD, Pengarah Pendidikan & Kurator KidSPACE, MASS MoCA

Terima kasih kepada Pusat Pemandang Berkshire untuk perkhidmatan terjemahan mereka, dan kepada pelatih Massachusetts College of Liberal Arts (MCLA) Erick Ramos-Jacobo untuk penyelidikan pameran.

Sokongan disediakan oleh Samantha dan Daniel Becker; Yayasan Feigenbaum; Wakaf Kebangsaan untuk Seni; the Ruth E. Proud Charitable Trust; dan Yayasan Milton dan Dorothy Sarnoff Raymond untuk mengenang Sandy dan Lynn Laitman.

Sokongan juga disediakan oleh Tanpa Nama (2); Yayasan Avangrid, dengan kerjasama Syarikat Gas Berkshire; Yayasan Komuniti Berkshire Taconic dan Perkongsian Pendidikan Adams Cheshire, Dana Gateway, Dana Meadow, Dana SEE, Dana Willow Tree dan Dana William J. dan Margery S. Barrett; MountainOne; dan Yayasan Robert Lehman.

Pengaturcaraan di MASS MoCA direalisasikan sebahagiannya oleh Yayasan Barr, Yayasan Horace W. Goldsmith dan Majlis Kebudayaan Massa.

Terjemahan disediakan oleh Pusat Terjemahan Universiti Massachusetts.

Penutup depan dan belakang: Anne Samat, *Mother (weave through eternity) #2 (butiran)*, 2022. Batang rotan, peralatan dapur dan taman, manik, perhiasan seramik, logam dan plastik. 77 x 42 x 5 inci. Ihsan daripada artis dan MARC STRAUS, New York

